

HAK ASASI MANUSIA DALAM SISTEM NILAI PASCA MODENISM.

oleh

Che Bakar Che Mat
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan
tel : 082-678433 (off)
082-372371 (h)
e-mail : chebakar@sarawak.uitm.edu.my

ABSTRAK

Setiap manusia yang hidup perlu diberi hak masing-masing. Perjuangan mengenai hak asasi manusia telah berlaku sejak zaman dahulu. Sebagai makhluk yang dicipta dengan unsur-unsur yang sama, sudah pastilah manusia mempunyai naluri dan citarasa yang sama. Setiap manusia inginkan kebebasan, keselamatan, keamanan, kemakmuran dan lain lain dalam semua peringkat kehidupan. Namun kadang hak-hak asasi ini tidak diberi dalam ruang lingkup yang sepatutnya. Terdapat kekangan-kekangan tertentu yang menyebabkan manusia tidak mendapat hak yang sepatutnya menjadi milik mereka. Kertas kerja ini akan membincangkan mengenai sejarah hak asasi manusia dan perlaksanaannya dalam konteks global dan lokal yang merangkumi aspek komuniti. Perbincangan juga akan menyentuh tentang hak asasi manusia menurut kaca mata Islam secara analisis. Sistem nilai masyarakat pasca modenism perlu mengambil kira isu ini secara serius.

Pendahuluan

Pemeliharaan hak asasi merupakan instrument penting dalam menjaga keharmonian dan kesejahteraan sesebuah masyarakat dan negara. Manusia dicipta oleh Tuhan dengan naluri yang sama. Oleh sebab itu manusia mempunyai citarasa yang sama. Semua manusia inginkan kedamaian, ketenangan, kebebasan dan dalam masa yang sama mereka bencikan penindasan, peperangan, pembunuhan dan sebagainya. Dengan kata lain semua manusia gemar pada perkara yang baik serta menolak perkara yang tidak baik. Wujudnya dekralasi PBB tanggal 1 Januari 1942 adalah untuk menjaga hak asasi manusia yang berkaitan dengan kehidupan, kebebasan, kebebasan beragama dan juga keadilan (Nickel,1987). Allah s.w.t yang merupakan pencipta yang Maha Agung sememangnya mengetahui kehendak dan keperluan setiap makhluk yang diciptakannya. Dalam hal ini Islam telah lama memperuntukkan hak-hak asasi manusia selaras dengan kehendak dan naluri semula jadi mereka. Bagi setiap agama yang bersifat samawi Tuhan telah menetapkan lima maslahat kehidupan manusia. Bagi menjamin tercapainya maslahat kehidupan ini Tuhan telah menetapkan peraturan-peraturan yang mesti dipatuhi oleh manusia. Perlanggaran terhadap peraturan ini bukan hanya mendedahkan manusia kepada bahaya di akhirat tetapi juga boleh menggugat kesejahteraan kehidupan mereka ketika di dunia.

Menurut Dr. Mohsen A.F El-Hazmi, kelima lima maslahat tersebut adalah :

- memelihara agama (religion)
- memelihara jiwa / anggota (self maintance)
- memelihara intelek (mind maintance)
- memelihara keturunan / zuriat (progeny maintance)
- memelihara harta / mal (wealth maintance)

Bagi menjaga kelima-lima maslahat inilah Allah s.w.t telah menetapkan larangan-larangan yang mesti di jauhi seperti membunuh, mencuri, merompak, minum arak, berzina, menuduh perempuan baik melakukan zina dan lain-lain. Bukan hanya larangan, tetapi juga telah ditentukan bentuk hukuman yang mesti dilaksanakan oleh manusia. (Abd Qadir ‘Audah, 1986).

Pencabulan Asasi Manusia

Sejarah dunia melakarkan bagaimana banyaknya berlaku pencabulan terhadap hak asasi manusia sejak zaman berzaman. Ianya berterusan sehinggalah kepada zaman moden. Di zaman Tamadun Greek wanita langsung tidak mendapat pembelaan. Sekiranya seseorang wanita melahirkan anak bukan secara normal, mereka akan dibunuh. Begitu juga selepas seseorang wanita bersalin, ia akan diambil beberapa ketika dari suaminya untuk dipinjamkan kepada orang lain bagi proses mendapatkan anak. Ini penting demi meramaikan golongan lelaki untuk berkhidmat sebagai tentera (Abdullah, 1987 : 3)

Di dalam adat tradisi lama India kedudukan wanita lebih rendah dari lelaki. Wanita mesti menyembah suami mereka. Apabila si suami meninggal dunia, si isteri juga akan dibakar bersama mayat suami mereka. Menjadi kebiasaan di zaman tersebut di mana seorang isteri bukan hanya melayan kehendak seks suaminya sahaja tetapi juga dikehendaki melayan adik atau abang iparnya sekiranya mendapat perkenan dari bapa mertuanya. Amalan ini dinamakan ‘Nyog’. Dalam amalan ini juga sekiranya si suami tidak mampu memperolehi anak, maka si isteri boleh mengadakan hubungan seks dengan lelaki lain bagi mendapatkan anak untuk suaminya (Sawami, hal 117-118).

Bagi empayar Roman pula keadaan sebaliknya telah berlaku. Setelah berlaku perubahan, kaum wanita mendapat kebebasan sehinggalah dalam memiliki harta. Golongan wanita mendapat kebebasan yang luas yang tidak terdapat di dalam tamadun –tamadun lain pada waktu itu. Wanita bebas dari ikatan suami dan ibu bapa. Kebebasan ini menjadikan sesetengah wanita mempunyai kewangan yang kukuh dan harta melebihi suami mereka. Keadaan ini sesetengahnya menyebabkan si suami terpaksa berhutang dengan isteri. Akibat bebanan hutang dengan isteri kadangkalanya pihak lelaki menjadi hamba kepada isteri mereka. Keadaan yang berlaku telah menyebabkan institusi perkahwinan dan kekeluargaan menjadi lemah. Akhirnya berlakulah gejala sosial dan pelacuran. Pemikiran masyarakat menghala kepada perkara-perkara lucu dan seks. Gambaran ini boleh dilihat menerusi arca-arca dan senibina yang dihasilkan pada masa tersebut (Abdullah, op-cit : 7).

Perhambaan manusia juga telah berlaku sejak zaman berzaman. Status hamba merupakan status yang paling hina bagi manusia. Ianya telah berjalan sejak sekian lama. Apabila berlaku peperangan, pihak yang kalah akan menjadi hamba. Mereka boleh diperlakukan apa sahaja sehingga kepada bunuh. Bangsa yang menang akan menguasai yang kalah. Apa sahaja milik bangsa yang kalah akan dikuasai oleh pihak yang menang (Ibn Khaldun, Mukaddimah, 1993 : 131).. Mereka tidak mempunyai apa-apa hak dalam kehidupan. Jauh sekali dalam membicarakan hak asasi manusia. Semasa zaman jahiliyah sebelum kedatangan Islam, sistem memperhambakan manusia menjadi perkara biasa. Bukan itu sahaja bahkan kedudukan kaum wanita amatlah menyedihkan. Mereka tidak mempunyai sebarang hak di dalam masyarakat. Peranan mereka tidak lebih sebagai pemuas nafsu lelaki. Wanita dianggap tidak mempunyai nilai. Jika seseorang melahirkan anak wanita ia dikira amat memalukan keluarga. Sebab itulah perbuatan membunuh dan menanam anak perempuan hidup-hidup menjadi kebiasaan dalam masyarakat jahiliyah (Sivachandralingam, 2000 : 78)

Namun setelah kedatangan Islam semua keadaan berubah. Islam telah membuat reformasi dalam masyarakat. Perubahan paradigma yang dibuat oleh Islam adalah untuk kembali kepada fitrah asal manusia. Islam meletakkan manusia pada kedudukan yang sebenarnya. Islam mengiktiraf hak dan kedudukan lelaki sesuai dengan sifat kelelakiannya, manakala bagi kaum wanita pula Islam telah

mengiktiraf hak dan kedudukan yang sesuai bagi mereka. Islam tidak meletakkan golongan lelaki lebih 'superior' dari wanita, begitu juga sebaliknya. Wanita mempunyai hak untuk memiliki harta dari hasil usaha mereka. Mereka juga mempunyai hak dari harta pusaka peninggalan suami, anak atau pun ibu bapa mereka. Ini sebenarnya merupakan suatu pengiktirafan yang tinggi yang tidak pernah dikecapi dalam zaman jahiliah. Kemuliaan seseorang terletak sejauh mana kemampuannya patuh kepada perintah Tuhan. Pendekatan yang dibuat oleh Islam telah berjaya menamatkan amalan perhambaan sesama manusia yang berjalan sejak beribu tahun. Islam tidak menghapuskan sistem perhambaan kerana status sebagai hamba akan wujud iaitu apabila adanya tawanan perang. Walaupun tawanan perang dianggap mempunyai status sebagai hamba, namun Islam telah menggariskan layanan yang perlu diberikan kepada mereka sehinggalah mereka ditebus atau pun mereka menganut agama Islam.

Perhambaan Dalam Dunia Moden

Setelah beberapa abad Islam membebaskan amalan perhambaan, malangnya amalan ini kembali diamalkan. Sejarah melakarkan bahawa perhambaan sesama manusia berlaku dengan banyaknya selepas penaklukan Amerika dan West Indies. Perdagangan abdi berterusan selama 350 tahun. Kebanyakan abdi ini dibawa dari pedalaman Afrika. Menurut jangkakan penulis Barat, antara tahun 1680 –1786 jumlah manusia bebas yang dijadikan abdi untuk British Colonies dianggarkan sebanyak 20 juta. Para abdi diberi layanan yang sangat menyedihkan. Kapal-kapal yang membawa abdi kecil dan sangat kotor. Para abdi dimasukkan secara beramai-ramai, bertindih antara satu sama lain. Sesetengahnya pula dimasukkan kedalam perut kapal dalam keadaan berantai(al-Maududi, 1986 : 18). Inilah apa yang dilakukan oleh pihak penjajah dalam mencapai cita-cita mereka.

Apa yang lebih malang lagi, dalam zaman yang serba canggih kini, amalan yang sama masih diteruskan tetapi dalam situasi yang berbeza. Pihak imperialis Barat moden memberikan layanan yang hampir sama kepada musuh-musuh mereka. Dunia menyaksikan bagaimana pihak Amerika Syarikat dan sekutunya melakukan kekejaman ke atas umat Islam di Afghanistan. Tawanan perang di bawa ke penjara di Telok Guantanamo. Layanan yang diberikan tidak jauh bezanya dengan apa yang pernah mereka lakukan tiga abad yang lalu. Jika dulunya layanan itu dibuat kepada hamba abdi di Afrika kini dikenakan keatas umat Islam. Layanan yang sama juga kini sedang dikenakan ke atas umat Islam di penjara Abu Gharib di Iraq. Iraq telah menyaksikan pencabulan hak asasi manusia secara terang-terangan keatas suatu bangsa dan negara yang berdaulat. Begitu jugalah keadaan yang sedang dialami oleh umat Islam di Palestin. Pembunuhan dan pencabulan hak asasi secara terang di lakukan oleh pihak kerajaan pengganas Israel yang di dalangi oleh kerajaan penaja keganasan iaitu Amerika Syarikat dengan menggunakan slogan memerangi "Muslim Terrorist".

Hak Asasi Manusia Dalam Masyarakat

Apabila membicarakan hak asasi manusia dalam masyarakat, terdapat beberapa hak asasi yang menjadi aspirasi serta keinginan setiap manusia. Ianya perlu dijaga bagi menjamin keharmonian serta kerukunan hidup sesuatu masyarakat. Tanpanya akan timbulah ketidakpuasan hati yang boleh menggugat kestabilan sesebuah negara. Banyak berlaku kekecohan dan ketegangan di sesetengah negara akibat perasaan tidak puas hati ekoran pencabulan terhadap hak asasi yang sepatutnya mereka peroleh.

Antara hak asasi yang diperlukan oleh setiap manusia dalam masyarakat dan negara adalah (S. Abul al-'Ala al-Maududi , 1986 ; Sulaiman Nordin , 1995):

Pertama : hak beragama : Setiap manusia mestilah diberikan kebebasan untuk memilih apa sahaja agama yang difikirkannya betul. Apabila seseorang telah memilih agama yang disukainya maka beliau

diberikan kebebasan untuk mengamalkan upacara agama. Hak kebebasan beragama termaktub di dalam perlembagaan Persekutuan Malaysia. Dengan sebab itu sebagai hak asasi manusia dalam beragama, maka seseorang itu tidak boleh didiskriminasikan hanya kerana perbezaan agama. Apatah lagi sekiranya berlaku pembunuhan secara besar-besaran hanya disebabkan oleh perbezaan agama merupakan sesuatu yang tidak sepatutnya berlaku dalam dunia moden hari ini. Dalam hal ini Islam telah jelas menyatakan aspek –aspek kebebasan dalam beragama seperti firman Allah yang bermaksud “*Tidak ada paksaan dalam agama*”, (al-Baqarah 2 : 256). Begitu juga Tuhan melarang seseorang dari mencaci tuhan agama lain “*Dan janganlah kamu mencerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana kelak, mereka akan mencerca Allah secara melampaui batas tanpa pengetahuan yang kukuh*”, (al-An’am : 108)

Kedua : Hak untuk hidup. Setiap manusia mempunyai hak untuk hidup di dunia. boleh. Setiap manusia mempunyai hak dan peluang yang sama untuk hidup. Kehidupan adalah suatu anugerah dari Tuhan. Keselamatan terhadap nyawa dan anggota tubuh badan merupakan suatu yang penting untuk dijaga. Setiap manusia dilarang melakukan sesuatu yang boleh menyebabkan kematian dan juga kecederaan kepada diri sendiri dan orang lain . Dalam hal ini agama Islam telah memperuntukan kesalahan ini di bawah jenayah Qisas (Abd Qadir ‘Audah, 1986). Larangan membunuh ini bukan terhad kepada jiwa yang sedang hidup di atas dunia tetapi juga kepada bayi yang masih di dalam kandungan. Sebab itulah pengguguran bayi dan pembunuhan janin tanpa alasan syar’iy tidak dibenarkan. Kesalahan seseorang membunuh orang lain boleh menyebabkan dirinya di hukum bunuh (Kanun Kesiksaan, 171-172). Islam mengumpamakan kesalahan seseorang membunuh orang lain secara jenayah seolah-olah ia membunuh seluruh umat Islam dan ia akan kekal di dalam neraka (al-Nisa’ 4 : 93). Larangan membunuh juga bukan hanya ditegah sesama umat Islam bahkan dilarang juga pembunuhan kafir zimmi di dalam negara Islam sebagaimana sabda nabi s.a.w yang bermaksud “*Barangsiapa yang membunuh kafir zimmi ia tidak akan mencium bau syurga*”, (h.r Bukhari dan Abu Daud).

Ketiga : Hak terhadap kehormatan diri dan keluarga Kehormatan diri seseorang adalah suatu yang mesti dipelihara (Abd.Rahman, 1992). Penghinaan terhadap seseorang yang boleh menjatuhkan maruah dan harga diri dan keluarga sama sekali dilarang. Ini bermakna seseorang tidak dibenarkan melakukan sesuatu yang boleh memalukan orang lain. Pemerkosaan dan rogol dilarang sama sekali kerana ini secara langsung menceroboh kehormatan orang lain. Undang-undang negara telah memperuntukan hukuman yang berat bagi kesalahan rogol iai sampai kepada 20 tahun penjara atau denda atau sebat (Kanun Kesiksaan, 209) Bukan itu sahaja bahkan kehormatan diri seseorang mestilah dijaga sama ada dengan kerelaan individu atau sebaliknya. Dengan sebab itulah Islam mengharamkan perzinaan disamping mengenakan hukuman yang berat (al-Isra’ : 17 : 32, an-Nur 24 : 2), (Mat Saad Abd Rahman, 1993: 50-56, Abd Qadir ‘Audah, 1986 : 441-453). Perbuatan meludah dan menanggal pakaian seseorang juga merupakan suatu yang menjatuhkan kehormatan seseorang dan jelas bertentangan dengan hak asasi manusia. Selain dari itu Islam juga melarang beberapa perbuatan bagi menjaga maruah dan kehormatan seseorang antaranya larangan memperlekehkan golongan yang lain, mencari kesalahan dan rahsia seseorang, serta memberi gelaran yang buruk (al-Hujurat 49 : 11).

Keempat : Hak bersuara dan memberi pandangan. Hak ini bersesuaian dengan potensi manusia yang dianugerahi akal dan fikiran. Manusia perlu diberi peluang yang seluasnya untuk memberi pandangan terhadap sesuatu yang difikirkannya dapat membina dan memberi menafaat kepada masyarakat dan negara. Begitu juga dengan akal fikiran, manusia digesa untuk berfikir dan mengkaji segala isi langit dan bumi bagi memajukan bangsa dan Negara. Dengan sebab itu bersifat inovatif dan proaktif bagi kepentingan manusia sejagat digalakkan oleh Islam. Islam melarang sebarang perbuatan yang boleh merosak akal dari berfungsi seperti minum arak, hidu gam dan dadah (Che Bakar dan Mohd Sabri, 1996). Al-Quran berulang kali meminta manusia agar mengkaji dan merenung segala kejadian Allah dimuka bumi bagi manfaat kehidupan (Rum :28, al-A’kraf : 54-57, al-Anbiya’ :30-33,

Kof : 7,11). Sistem demokrasi yang wujud adalah berasaskan kebebasan bersuara. Sekiranya kebebasan ini dinafikan ianya akan menimbulkan kegelisahan dikalangan masyarakat sebagaimana telah berlaku di zaman awal Renaissance (Zulkarnain Yusof 1996 : 47).

Kelima : . Hak mencari nafkah. Manusia digalakkan bekerja bagi memenuhi keperluan hidup (Siddiqi, 1989). Hasil dari usaha yang dilakukan menjadi milik individu tersebut dan tidak dibenarkan sesiapa mencerobohnya. Undang –undang melarang sebarang bentuk pencerobohan keatas harta orang lain sama ada dengan cara mencuri, merompak dan sebagainya. Selain dari itu setiap individu juga perlu menyedari bahawa di dalam harta yang dimilikinya itu terdapat juga hak orang lain yang mesti dikembalikan iaitu hak golongan yang tidak bernasib baik seperti golongan fakir miskin. Pengagihan semula harta kekayaan tadi berlaku dalam berbagai cara seperti nafkah, sedekah, derma, zakat, cukai dan lain-lain (Muhamad Kamal ‘Atiyah, 1995) Sekiranya hak tadi tidak dikembalikan, bermakna telah berlaku pencerobohan terhadap hak golongan yang tidak bernasib baik. Islam tidak mahu harta hanya berlegar di kalangan golongan yang tertentu sahaja. “*Supaya harta kekayaan tidak berlegar di kalangan orang-orang yang berada di kalangan kamu*”(al-Hashr : 7). Begitu juga bagi orang yang berada, Islam melarang gaya hidup yang terlalu mewah. Jika fenomena tersebut dibiarkan, akan berlakulah pengabaian terhadap golongan fakir miskin (Al-Qardhawi, 1989)

Keenam : Hak mendapat keadilan. Keadilan merupakan suatu dari prinsip yang diperjuangkan Islam dan ianya selari dengan kehendak naluri manusia. Setiap individu perlu mendapat keadilan dalam semua keadaan. Keadilan dalam Islam mempunyai ruang lingkup yang luas. Ia merangkumi keadilan untuk diri, keluarga, masyarakat, negara dan paling tinggi adalah keadilan seseorang dengan Tuhan yang Maha Kuasa. Dalam konteks perundangan pula keadilan membawa erti meletakkan sesuatu kena pada tempatnya. Undang-undang dan akta diwujudkan adalah untuk memberi keadilan kepada manusia. Islam telah lama memberi peringatan dan panduan kepada manusia agar memastikan keadilan ditegakkan dalam apa keadaan dan kepada sesiapa sahaja. Allah berfiman, “al-Maidah : 8). Islam juga meletakkan bahawa seseorang “dianggap tidak bersalah sehinggalah dibuktikan bersalah menurut undang-undang” (Majid Khadduri, 1994). Konsep ini bertepatan dengan kaedah fiqh “*al-Ashlu fi Baraati al-zimma*” yang bermaksud “seseorang itu pada asalnya tidak dipertanggungjawabkan”.

Ketujuh : Hak kebebasan bergerak. Ia juga merupakan hak asasi manusia yang mesti dipelihara. Setiap manusia adalah bebas bergerak untuk pergi ke mana-mana tempat selama tidak bertentangan dengan undang-undang. Di dalam al-Quran Allah menggalakkan manusia agar “bertebaran dimuka bumi” bagi mencari rezeki yang dianugerahi tuhan. Begitu juga manusia digalakkan melancung ketempat lain untuk menikmati keindahan alam dan untuk melihat peninggalan umat-umat terdahulu. Kesan dari itu manusia dapat mengambil pengajaran.

Dalam masa yang sama, perbuatan menahan seseorang (restriction) tanpa alasan yang sah sama sekali tidak dibenarkan. Lebih-lebih lagi penahanan ke atas seseorang tanpa diberitahu sebab kenapa ia ditahan. Penahanan yang dibuat bagi membantu siasatan adalah dibenarkan untuk beberapa waktu sahaja. Sekiranya terdapat kes untuk didakwa maka jalan yang terbaik adalah melalui pendakwaan mahkamah. Jika tidak terdapat kes untuk didakwa maka seseorang itu mestilah dibebaskan sebagaimana Allah s.w.t menjadikan manusia dalam keadaan bebas. Islam melarang keras penahanan seseorang atas dasar syak dan menghumbkannya kedalam penjara tanpa perbicaraan mahkamah dan tidak diberinya peluang untuk membela diri (S. Abul al-‘Ala al-Maududi , 1986 : 32)

Selain dari beberapa aspek yang disebutkan di atas terdapat beberapa lagi hak asasi manusia yang mesti dihormati meskipun ianya sudah lama berjalan di dalam masyarakat, antaranya :

- a) Hak untuk berhimpun dan berkumpul. Ia merupakan hak asasi manusia yang telah berjalan sejak dari wujudkan manusia dan berterusan sehingga hari ini. Sebagai makhluk sosial, manusia perlu berhimpun dan berkumpul untuk tujuan kebaikan. Manusia perlu duduk bersama serta berbincang berkaitan masalah-masalah yang dihadapi dalam kehidupan. Bagi merealisasikan tujuan itulah manusia dianjurkan oleh Islam untuk melakukan solat secara berjamaah dalam bentuk harian, mingguan dan tahunan. Perhimpunan itu juga berlaku dalam konteks keluarga, local dan global dimana difardhukan ibadat haji. Ini menunjukkan betapa pentingnya hak untuk berkumpul dan berhimpun.
- b) Hak untuk bekerjasama atau tidak. Hak ini merujuk kepada firman Allah yang bermaksud, *“Dan hendaklah kamu bertolongan dalam perkara kebajikan dan taqwa tetapi janganlah kamu tolong menolong dalam perkara kejahatan dan permusuhan”* (Maidah : 2).

Ayat di atas menjelaskan hak manusia sama ada ingin bekerjasama dalam sesuatu urusan atau sebaliknya. Allah menjelaskan bahawa asas bagi kerjasama mestilah dalam perkara kebajikan. Manusia digalakkan untuk bekerjasama pada perkara-perkara yang boleh mendatangkan manfaat. Bagi perkara tersebut seseorang tidak dilarang untuk bekerjasama dengan sesiapa sahaja yang dingini sama ada saudara mara, rakan-rakan dan sebagainya. Bagi perkara yang boleh membawa kemudharatan, kejahatan, kerosakan dan sebagainya, Islam dengan tegas melarang semua bentuk kerjasama. Larangan ini adalah dalam bentuk mutlak (absolute) tanpa mengira kaum keluarga, sahabat handai dan orang lain. Sekiranya saudara mara mengajak untuk melakukan sesuatu kejahatan maka ianya tetap ditegah, apatah lagi pihak lain yang tiada pertalian kekeluargaan. Allah telah menyebutkan perkara ini di dalam al-Quran yang bermaksud, *“Katakanla (hai Muhammad), jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara mara kamu, dan isteri isteri/suami-suami kamu, dan kaum keluarga kamu, harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu suka, (jika semuanya itu) kamu cintai melebihi Allah dan RasulNya serta berjihad di jalan Allah, maka tunggulah pembalasan dari Allah.”* (al-Taubah : 24)

Penutup

Berdasarkan perbincangan di atas kita dapati bahawa hak-hak asasi manusia merupakan suatu yang mesti dipelihara. Ini kerana ia merupakan asas kepada kehidupan yang harmoni dan sejahtera. Tanpanya masyarakat akan berada dalam keadaan tertekan dan tidak puas hati. Potensi yang ada pada manusia sememangnya memerlukan kepada kebebasan. Namun di sana terdapat juga batasan (limitation) agar kebebasan yang dimiliki tidak disalahgunakan. Sesungguhnya terdapat persamaan yang jelas antara hak-hak asasi yang diperlukan oleh manusia kini dengan apa yang tertera di dalam al-Quran walaupun al-Quran diturunkan pada kira-kira abad yang ketujuh masehi. Dunia moden kini perlu mengembalikan hak-hak asasi manusia walaupun di sana terdapat kekangan-kekangan yang tertentu. Janganlah kepentingan yang sempit menjadikan kita menodai hak-hak manusia sejagat. Apa yang lebih penting adalah hak-hak asasi manusia perlu dipandu dan dipantau melalui kacamata ilahi.

Rujukan

- Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran, 2000, Kuala Lumpur : Darul Fikri
- Abdullah O. Nassef, Dr. 1987. *Muhammed Encyclophedia of Seerah*, vol 5, London : Seerah Foundation.
- Abdul Qadir'Audah, 1986. *Al-Tashriy' al-Jinai al-Islami Muqaranan Bi al-Qanun al-Wadi'y*, Beirut : Muassasah al-Risalah.
- Abdur Rahman I. Doi, 1989. *Shari'ah : The Islamic Law*, Kuala Lumpur : Percetakan Zafar.
- _____, 1992. *Women In Shari'ah (Islamic Law)*, Kuala Lumpur : A.S. Noordeen.
- Afzal-ur-Rahman, 1991. terj. Zaharah Salleh, *Doktrin Ekonomi Islam*, vol.2, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Al-Maududi, S. Abul 'Ala ,1986. Terj. Ramlee Ismail, *Hak Asasi Manusia Dalam Islam* , Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Fajar.
- Davis, G.R.C, 1989. *Magna Carta (Revised Edition)*, British Library.
- Esposito, John.L, 1995. *The Oxford Encyclophedia Of The Modern Islamic World*, vol 4, New York : Oxford University Press.
- Ibn Khaldun, 1993. *Mukaddimah*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majid Khadduri, 1994, terj. Norliza Tarmeze dan Mostafa Kamal Mokhtar, *Konsep Keadilan Dalam Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Saad Abd Rahman Dr., 1993. *Undang-undang Jenayah Islam : Jenayah Hudud*, Shah Alam : Hizbi.
- Mohd Nor Hamat, 1999, *Pemikiran Islam dan Dunia Hari Ini*. Kuala Lumpur : Univision Press.
- Mohsen A.F. El-Hazmi, Prof. Dr, 2004. “*The Preservation of The Progeny : An Islamic Prospective*”, kertas dibentangkan di International Seminar, Geneology And Preservation of The Progeny, 27-28 April.
- Muhamad Kamal 'Atiyah, 1992, terj. Mohd Ghazali Abdul Wahid, *Perakaunan Syarikat dan Bank Menurut Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- _____, 1995, terj.Mohd. Noor Ngah, *Perakaunan Zakat, Teori Dan Praktis*, Kuala Lumpur :Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nickel, James W., 1987. *Making Sense of Human Rights: Philosophical Reflection on the Universal Declaration of Human Rights*, California : The Regents of the University.
- Siddiqi M.N, terj Mohd. Amin Abdullah, 1989. *Pemikiran Ekonomi Islam : Suatu Tinjauan Penulisan Semasa*, Kuala Lumpur :Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Sivachandralingam Sundara Raja dan Ayadurai Letchumanan, 2000. *Tamadun Dunia*, Shah Alam: Fajar Bakti

Sulaiman Nordin, 1995. *Al-Quran, Sains dan Ideologi Masa Kini*, Bangi : UKM.

Syekh Yusuf al-Qardhawi, 1989. *Halal Dan Haram Dalam Islam*, Singapura : Pustaka Nasional.

Zulkarnain Yusoff , 1996. *Gugatan Pemikiran Islam*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press.

Che Bakar Che Mat dan Mohd Sabri Jusoh, 1996, Akta Pengedaran Dadah dan Keberkesanannya, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kanun Keseksaan, Semua Pindaan Hingga 1 Mac 1986.

<http://www.bl.uk/collections/treasures/magnatranslation.html>